



4 Ogos 2015
4 August 2015
P.U. (A) 178

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) 2015

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(FEDERAL ROADS) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) 2015**

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 282/2015 yang disiarkan pada 13 Julai 2015, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan diterima oleh Menteri Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70 (1) dan (2) Akta itu, Menteri Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara-perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 5 Ogos 2015.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, selain di atas laluan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1) <i>Bahagian Jalan</i>	(2) <i>Laluan</i>	(3) <i>Tempoh</i>
Sebahagian Jalan Tun Dr. Lim Chong Eu (Laluan 3113) bermula dari seksyen 4.60 sehingga seksyen 6.205 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.	Kenderaan dari Queensbay/ Georgetown ke Batu Maung hendaklah menggunakan laluan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.	5 Ogos 2015 hingga 4 Mac 2016
	Kenderaan dari Batu Maung ke Queensbay/Georgetown hendaklah menggunakan laluan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.	5 Ogos 2015 hingga 4 Mac 2016